

Kezaliman boleh datang daripada diri sendiri

Umat Islam dituntut berhijrah dengan taubat tinggalkan kejahatan



→
NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Sains Islam Malaysia

Umat Islam wajib melakukan hijrah iaitu menjauhan diri daripada kezaliman apabila keselamatan diri terancam dalam mempertahankan akidah dan ajaran Islam. Ancaman ini mungkin juga datang daripada diri sendiri.

Perintah berhijrah terdapat dalam beberapa ayat al-Quran, firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang beriman, orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”* (Surah al-Baqarah, ayat 218)

Disebabkan berhijrah dan berjihad itu tidak mudah, sesiapa yang mampu melakukannya akan diberi pengampunan oleh Allah SWT. Syaratnya, hijrah harus disandarkan kepada Allah SWT dengan tujuan untuk mengharap rahmat serta keredaan Allah SWT.

Allah berfirman yang bermaksud: *“Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan (kepada orang Muhajirin), mereka itulah orang yang benar-benar beriman. Mereka memperoleh ampunan dan rezeki (nikmat) yang mulia.”* (Surah al-Anfal, ayat 74)

Sesungguhnya kepada yang sering melakukan kesilapan dan dosa, hijrah menuntut kita bertaubat dengan meninggalkan segala kejahatan.

Daripada Mu'awiah bin Abi Sufyan, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: *“Tidak terputus hijrah sehingga terputus (peluang) bertaubat, dan tidak terputus (peluang) bertaubat sehingga matahari muncul dari arah barat.”* (Riwayat Ahmad, Abu Daud dan lain-lain)

Perpecahan dalam kalangan umat Islam

Hari ini juga, perpecahan dalam kalangan umat Islam amat nyata. Mereka berbalah sesama sendiri akibat tiada rasa kekitaan dan persaudaraan. Walaupun berkongsi akidah yang sama, tetapi sering kali mereka mengutamakan perbezaan berbanding persamaan.

Justeru, banyaklah timbul masalah membabitkan pergeseran dan akibatnya, sukar sekali membina empayar Islam yang suatu ketika dulu gah dijulung. Ia juga menyebabkan umat Islam hari ini semakin menyusut daripada kemajuan.

Kejayaan dan kemajuan umat Islam diasaskan atas kekuatan keperibadian umatnya melalui semangat pengorbanan dan persaudaraan seperti digambarkan oleh kronologi hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Taif dan Madinah.

Semangat perpaduan dan perjuangan yang telah diasaskan Rasulullah SAW itu telah menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat, maju dan disegani musuh Islam. Namun, setelah sekian lama umat Islam menjadi umat contoh, akhirnya mereka mula lalai dengan nikmat dikurniakan Allah SWT.

Semangat berkorban dan perjuangan untuk menegakkan syiar Islam telah ditukar dengan semangat mementingkan diri sendiri, malas berusaha, mudah putus asa dan bermacam lagi. Semangat perjuangan untuk agama digantikan dengan perjuangan kepentingan peribadi.

Gejala inilah yang telah menyebabkan umat Islam mulai mundur. Ini

ditambah pelbagai masalah lain yang menekan jiwa umat Islam seperti kefahaman Islam yang cetek, penyelewengan akidah, mengasingkan diri dari urusan dunia, gejala sosial dan perpecahan keluarga.

Kepentingan ambil berat

Walau bagaimanapun, umat Islam telah mula sedar akan kepentingan mengambil berat dan memikirkan masalah sedang dihadapi umat Islam lain di serata pelosok dunia. Masalah itu yang kian meluas telah mencabar mereka supaya bangkit berusaha dengan lebih gigih.

Apabila umat Islam memiliki inisiatif untuk mengubah keadaan mereka, maka pertolongan Allah SWT pasti datang. Allah SWT akan mengubah keadaan mereka daripada kehinaan dan kerendahan kepada kemuliaan serta ketinggian.

Pertolongan Allah SWT akan tiba apabila umat Islam sanggup membela agama Allah. Ini dibuktikan oleh firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah, nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.”* (Surah Muhammad, ayat 7)

Allah SWT membekalkan kita dengan kelengkapan yang cukup untuk menjadi manusia boleh berikhtiar dan berikhtiar dalam menentukan arah kehidupan. Justeru, kita perlu menitikberatkan pembangunan rohani, mental dan fizikal untuk memastikan kita mampu memartabatkan ummah.

Pembangunan rohani suatu proses bertujuan melahirkan jiwa yang bertakwa. Pembangunan insan juga mestilah menitikberatkan pembangunan mental kerana akal manusia harus diisi dengan pelbagai jenis ilmu.

AL-QURAN

“Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah, nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu”

Surah Muhammad (ayat 7)